

**Najib Tiba Di Sarawak Untuk Hadiri Majlis Ngabang Gawai
Bernama
9 Jun, 2013**

KUCHING, 9 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di Sibu, Ahad, untuk mengadakan lawatan rasmi sehari ke Sarawak selain menghadiri beberapa majlis ngabang Gawai Dayak di Betong, Pakan, Selangau dan di sini.

Kira-kira 3,000 penduduk rumah panjang Wilson Begat Bekir di Penom, Ulu Paku di Betong menyambut ketibaan beliau dengan penuh adat tradisi kaum Iban sempena dengan sambutan Gawai Dayak.

Kemudiannya, Najib akan berlepas dengan helikopter ke rumah panjang George di Nanga Nansang, Pakan dan rumah panjang Jangit, Tamin di Selangau untuk upacara ngabang Gawai yang sama.

Pada sebelah malam, perdana menteri akan menghadiri majlis makan sempena sambutan perayaan Gawai Dayak 2013 di KUching.

Najib dijadual berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas majlis itu.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954897>